

BULETIN UTHM

Bil.9 September 2023 | ISSN 2232-0415



**UTHM sambut meriah Bulan Kebangsaan,
zahir rasa cinta pada negara**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM sambut meriah Bulan Kebangsaan, zahir rasa cinta pada negara
- 3 UTHM teroka teknologi baharu di China, jalin kerjasama dengan dua IPT
- 5 52 staf wanita UTHM tawan Kinabalu, catat rekod baharu dalam Malaysia Book of Records
- 7 UTHM menang Top Two Best Pitchers di MRANTI Supercharger Southern Region 2023
- 8 Lima pelajar UTHM terpilih sertai Misi Sukarelawan Siswa YSS, Sabah 2023
- 9 Empat Pelajar UTHM raih anugerah di Pertandingan IDEERS 2023
- 11 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





UTHM sambut meriah Bulan Kebangsaan, zahir rasa cinta pada negara

BATU PAHAT, 19 September 2023 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini menutup tirai sambutan kemerdekaan ke-66 tahun dengan mengadakan 'Majlis Penutup Sambutan Bulan Kebangsaan ke 66 Tahun 2023 Peringkat UTHM' bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Terdahulu, bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan, UTHM telah menganjurkan beberapa program bertujuan menggalakkan warga kampus menghayati erti kemerdekaan sebenar, sekali gus menyemai rasa cinta kepada negara.

Antaranya, penganjuran Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yasin Sempena Hari Kemerdekaan ke-66 peringkat Universiti, penyertaan Kontijen Perhimpunan, Perbarisan dan Perarakan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 peringkat daerah Batu Pahat, konvoi motosikal sambil mengibar bendera di sekitar kampus serta penyertaan menyeluruh warga kampus mengibarkan Jalur Gemilang di sekitar bangunan pusat tanggungjawab (PTj) masing-masing.

Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM hadir menyempurnakan majlis penutup tersebut sekali gus menitipkan beberapa amanat.

Beliau dalam ucapannya menyeru warga kampus untuk memerdekakan diri sendiri daripada perkara yang melalaikan, kemalasan dan ketakutan yang akhirnya akan merugikan diri sendiri.

"Dengan erti kata lain, kita perlu berani ke hadapan untuk mencuba sesuatu yang baharu, sentiasa menjaga masa supaya semuanya berlaku dengan betul dan meletakkan kepercayaan kepada pasukan dan proses (trust the process) ketika bersama-sama membawa UTHM ke arah yang lebih cemerlang," katanya.

Tambah beliau, UTHM telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-30 pada 16 September 2023 lalu dan jumlah tersebut bukanlah sekadar angka yang menggambarkan satu tempoh dan sela masa tertentu.

"Angka 30 ini melambangkan kematangan, kejayaan dan kestabilan institusi yang akan terus berdiri kukuh dan teguh dalam melaksanakan tanggungjawab mendidik anak bangsa dalam bidang tujuhnya.

"Saya percaya, kita akan terus melakar kejayaan gemilang sebagaimana yang telah kita sama-sama kecapai pada masa ini dan akan terus gah sebagai sebuah institusi pengajian tinggi dalam bidang TVET yang terulung dan dirujuk," katanya.


Hadir sama, Prof. Sr Ts. Dr. Hj Lokman Hakim Hj Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof. Sr Ts. Dr. Hj Lokman Hakim Hj Ismail; Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi, Naim Maslan; Ahli Lembaga Pengarah UTHM dan Pegawai-pegawai Kanan universiti.

Turut berlangsung, sesi forum bertajuk 'Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan' bersama panel jemputan, Kuan Chee Heng atau lebih dikenali dengan gelaran 'Uncle Kentang,' yang dikendalikan oleh moderator, Dr. Lutfan Jaes, Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum.

Pada majlis tersebut, Naib Canselor turut menyempurnakan gimik pelancaran Pelan Antirasuah UTHM dan buku 'UTHM Bangkit' serta menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil Sukarelawan Banjir 2023.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil daripada wakil Malaysia Book of Records (MBOR) kepada 52 staf Wanita UTHM yang telah berjaya mencatat rekod baharu iaitu 'Most Women Participants to Climb Mount Kinabalu' setelah berjaya menawan Gunung Kinabalu sempena sambutan 30 tahun UTHM.





UTHM teroka teknologi baharu di China, jalin kerjasama dengan dua IPT

Bagi memperkasakan lagi bidang pendidikan dan penyelidikan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Naib Canselor, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim dan beberapa wakil dari beberapa pusat tanggungjawab telah mengambil inisiatif meneroka peluang dan teknologi baharu di tanah besar China pada 3 hingga 9 September 2023 lalu.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, UTHM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua institusi pengajian tinggi (IPT) di China iaitu Suzhou Centennial College (SCC) dan Southwest Jiaotong University (SWJTU).

SCC adalah institusi pengajian tinggi swasta yang terletak di barat laut Shanghai (wilayah Suzhou), di kawasan Suzhou Industrial Park dan Suzhou Dushu Lake Higher Education Town, yang menempatkan sejumlah besar syarikat nasional dan antarabangsa, serta 33 IPT luar dan dalam negara China.

MoU yang ditandatangani pada 5 September 2023 itu diwakili oleh Naib Canselor UTHM, manakala SCC pula diwakili oleh Presiden Eksekutif, Shiming Li, serta disaksikan oleh Dato' P.Y. Lai, Academician of the Malaysia Academy of Sciences, dan C.K. Tan, Former General Manager of Global Edu-Tech Management.

Jalanan kerjasama UTHM-SCC ini melibatkan pelaksanaan program pertukaran staf/

pelajar serta attachment, program mobiliti jangka pendek/panjang, aktiviti Faculty Led International Program (FLIP), program Dual-Degree (2+2), selain meneroka peluang usahasama pengajian menerusi program 'bridging' [Degree (3+1) dan Master (+1)], seperti yang diaplikasikan oleh National University of Singapore Research Institute (NUSRI).

Ketika di SCC, Naib Canselor bersama delegasi turut mengunjungi beberapa pusat tanggungjawab seperti The Global Education Management (GEM) Group, Intelligent Control Lab (ICL), Industrial Internet Platform (IP), Electrical Technique Laboratory, Virtual Simulation Lab (VSL), School of Liberal Arts, dan Center for International Exchange bagi menerokai fungsi dan peranan jabatan akademik dan pentadbiran masing-masing.

Manakala SWJTU pula merupakan sebuah universiti penyelidikan awam yang terletak di utara Chengdu, China, wilayah yang sarat dengan kebudayaan, warisan dan ketamadunan asli China.

Universiti tersebut mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang Railway Engineering and Technology, yang mana hasil kajian dan penyelidikan bidang ini sering diadaptasi dalam pembangunan infrastruktur serta teknologi rel di China dan diimport ke seluruh dunia.




Komponen pengajian dan penyelidikan Railway Engineering and Technology di SWJTU merangkumi civil engineering (infrastructure), mechanical engineering (train/coach/carriage/wagon/compartment), electrical engineering (power and traction control), transportation engineering (operation) dan computer science (autonomous and simulation systems).

MoU yang dimeterai pada 8 September 2023 itu juga diwakili oleh Naib Canselor UTHM, manakala SWJTU diwakili oleh Timbalan Presiden, Professor Yang Dan, serta disaksikan oleh Professor Ma Lei, Director of Office of International Cooperation and Exchanges.

UTHM-SWJTU akan bekerjasama melalui penganjuran program mobiliti yang berpotensi ke arah pelaksanaan program Dual-Degree (2+2),

pertukaran pelajar/staf dan attachment, kerjasama dalam aktiviti penyelidikan dan penyeliaan serta aktiviti pengantarabangsaan seperti adaptasi bahasa dan kebudayaan dalam kejuruteraan dan teknologi.

Naib Canselor dan delegasi UTHM turut mengunjungi makmal pengajian rel SWJTU, bagi memahami bagaimana nilai disiplin, kecekalan, sikap berdaya saing dan kesungguhan mereka dalam menghasilkan teknologi dan produk sendiri mampu menarik kepercayaan rakyat China sekali gus memacu kejayaan wilayah Chengdu dan tanah besar China secara keseluruhannya.





52 staf wanita UTHM tawan Kinabalu, catat rekod baharu dalam Malaysia Book of Records

KOTA KINABALU, 16 Sept 2023 - Seramai 52 staf wanita Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mencatat rekod baharu dalam Malaysia Book of Records (MBOR) iaitu 'Most Women Participants to Climb Mount Kinabalu' setelah berjaya menawan Gunung Kinabalu petang semalam.

Pendakian selama hampir 24 jam itu diakhiri dengan pengibaran bendera universiti sempena sambutan 30 tahun UTHM serta pengibaran bendera Johor dan Malaysia bersempena sambutan Hari Malaysia.

Menurut Pengarah Program Wanita Kinabalu, Ts. Dr. Nur Kamilah Yusuf walaupun ada waktunya mereka terpaksa meredah hujan, namun berkat semangat juang para pendaki, mereka akhirnya berjaya menawan Gunung Kinabalu.

Tambah beliau, program dengan kerjasama Kelab Staf UTHM yang diadakan sempena sambutan 30 tahun UTHM itu bertujuan membudayakan hidup sihat dalam kalangan wanita berkerjaya yang berumur antara 20 hingga 50-an.

Selain itu, program itu juga bertujuan berkongsi manfaat bersama warga universiti dan komuniti setempat melalui penganjuran beberapa siri Corporat Social Responsibility (CSR), sekaligus sebagai usaha menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 di bawah agenda pemeraksanaan wanita (SDG 5: Gender Equality).

Jelas Dr. Kamilah lagi, di bawah Program Pendakian Wanita Kinabalu, pihaknya turut menjalankan beberapa program sampingan lain seperti slot perkongsian ilmu berkaitan kemiskinan haid dan aktiviti CSR melibatkan tiga kawasan iaitu Kampung Orang Asli Kangkar Senangar, Parit Sulong, Kampung Orang Asli Tanah Abang, Mersing dan Kampung Semuruh, Kundasang.

"Sebelum pihak kami memulakan pendakian pada 14 September, Yayasan UTHM bersama alumni UTHM dari Politeknik Kota Kinabalu telah mengadakan aktiviti CSR melibatkan kerja-kerja gotong royong bersama penduduk, forum berkaitan kemiskinan haid dan penyerahan tuala wanita guna semula sumbangan daripada



Athena Holding kepada penduduk setempat yang memerlukan," katanya.

Dr. Kamilah mewakili UTHM turut melahirkan penghargaan beliau kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan Program Pendakian Wanita Kinabalu itu sehingga berjaya mencatatkan rekod baharu dalam MBOR.

"Pihak kami sangat berterima kasih kepada semua yang terlibat terutama kepada pihak Sabah Park, Taman Kinabalu, Persatuan Malim Gunung Kinabalu, porter, pasukan perubatan Pusat Kesihatan Universiti bersama dua doktor pakar sakit puan dari Hospital Pantai Batu Pahat dan Hospital Gua Musang serta kru RTM yang banyak membantu merealisasikan misi ini," katanya.





UTHM menang Top Two Best Pitchers di MRANTI Supercharger Southern Region 2023

ISKANDAR PUTERI – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencatatkan prestasi yang cemerlang apabila memenangi Top Two Best Pitchers ketika menyertai MRANTI Supercharger Southern Region 2023 anjuran Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) pada 7 September 2023 lalu.

Dalam acara *Element E : Pitch & Chill*, empat peserta UTHM telah menyertai pertandingan itu iaitu STU Bambusoideae Technology Sdn. Bhd., STU Swidweb Solutions, STU Pelajar Stratetics Experts Sdn. Bhd. dan Sentan Gijutsu Robot by Dr. Abu Ubaidah.

Dua peserta UTHM telah berjaya memenangi Best Pitchers iaitu STU Bambusoideae Technology di bawah pimpinan Ts. Dr. Mohd Nazrul Roslan dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan dengan tajuk penyelidikan "*Agriculture Waste As Newly Alternative Fiber Commodity In Malaysia*" dan STU pelajar Stratetic Experts di bawah pimpinan pelajar Ph.D, Shaktivell M. Letchumanan dengan tajuk penyelidikan "*Smart AI Predictive Maintenance On Oil and Gas Piping System Using Composite Wrapper*."

Pemenang *Best Pitchers* bagi program 'Pitch n Chill' itu berjaya memenangi satu tiket *Legoland Triple Park* bernilai RM1,017 dan penyertaan percuma dalam MRANTI *Bootcamp* dan *Complimentary One-Hour Business Advisory* oleh pakar-pakar daripada MRANTI.

Sementara itu, Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), Prof. Ts. Dr. Norzila Othman juga turut dijemput untuk menjadi panel akademia dalam sesi MRANTI *Industry – Academia Roundtable* dengan perbincangan bertajuk "*Raising The R&D Commercialisation Output and Meeting the Demand for Industrial Applications & Solutions*."

Sesi *roundtable* tersebut diadakan secara tertutup dan melibatkan beberapa panel dari industri manakala Dr. Nur Ainaa Syafini dari Malaysian Rubber Council (MRC) pula dijemput sebagai Moderator.



Lima pelajar UTHM terpilih sertai Misi Sukarelawan Siswa YSS, Sabah 2023

BATU PAHAT, 4 Sept 2023 – Lima pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) antara 127 pelajar institut pengajian tinggi seluruh negara yang terpilih menyertai program 'Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa YSS ke Sabah' pada 1 hingga 18 September 2023.

Lima pelajar tersebut iaitu Norelya Ardyla Mohamad Fauzi @ Mohamad Fauzi dan Hadrahtul Hasinah Mohd Faaruk dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Khairunnisa Wadiah Mohamad Khair dan Nur Syafiqah Husna Zainul Arshad dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) serta Sabariah Mohd Said dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).

Menurut Ketua Jabatan Nilai dan Kesukarelawan Pelajar, Pusat Pembangunan Pelajar (PBP), Dr. Radzi Ambar, pemilihan pelajar tersebut dibuat oleh pihak Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 24 Jun lalu melalui proses temuduga yang dilakukan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah/Pengarah YSS.

Calon yang dipilih terdiri daripada mereka yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan semangat sukarelawan yang tinggi serta aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Tambah beliau, misi sukarelawan siswa tersebut akan dilaksanakan di tiga kampung iaitu Kampung Terongkong Laut, Kudat; Kampung Singgah Mata dan Kampung Pangkalan Bandau, Kota Marudu.

"Pelaksanaan misi ini bertujuan untuk melahirkan pemimpin sukarelawan siswa di pentas global, melestarikan perpaduan, kefahaman serta penghayatan pelajar terhadap kepelbagaian khazanah warisan negara.

"Misi berkonsepkan *immersion* ini juga diadakan bagi memberi peluang kepada sukarelawan siswa untuk tinggal bersama komuniti tempatan dan melaksanakan kerja sukarelawan mengikut bidang pengajian masing-masing yang berteraskan *right volunteers for the right job*," jelas beliau.



Empat Pelajar UTHM raih anugerah di Pertandingan IDEERS 2023

TAIPEI - Empat pelajar tahun empat Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih anugerah 'Efficiency Ratio Certificate of Excellent' ketika menyertai pertandingan 'Introducing and Demonstrating Earthquake Engineering Research in Schools (IDEERS)' pada 21 hingga 23 September 2023 lalu.

Kumpulan pelajar tersebut berjaya meraih tempat ketujuh daripada 42 kumpulan yang bertanding.

Berada di kelompok 10 terbaik, mereka membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah NTD2,000.

Empat pelajar yang menyertai pertandingan itu terdiri daripada Muhammad Yuslan Mohd Yusop, Nurul Maizatul Najihah Basirun, Nur 'Awatif Haziqah Mohd Rosli dan Mohammad Hafiy Johan, yang diselia oleh Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Norashidah Abd Rahman.

Menurut Dr. Norashidah penyertaan pelajar di IDEERS 2023 bertujuan memberi

pendedahan berkaitan mereka bentuk struktur bagi ketahanan terhadap rintangan gempa bumi.

"Melalui pertandingan itu, mereka juga didedahkan tentang kepelbagaian bentuk struktur yang menarik dan kreatif, sekali gus berpeluang bertukar pandangan dan idea bersama rakan-rakan pelajar dari negara lain.

"Penyertaan di pertandingan seumpama ini mampu memberi nilai tambah kepada pelajar terutamanya dalam memberi idea dan pandangan baharu berkaitan mereka bentuk struktur bangunan ketika berada di industri kelak," kata Dr. Norashidah.

Selain Malaysia, kumpulan pelajar daripada Filipina, Hong Kong, Indonesia, Korea, Taiwan, Thailand, Singapura dan Vietnam turut menyertai pertandingan tersebut yang diadakan selama tiga hari bertempat di National Center for Research on Earthquake Engineering (NCREE), Taipei, Taiwan.

SARJANA MUDA SAINS

Analitik Data Komputasi

Dengan Kejujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kejujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN



Minimum : 3.5 Tahun
(7 Semester panjang,
2 Semester Pendek)
Maksimum : 7 Tahun
(14 Semester panjang,
4 Semester Pendek)

MOD PENGAJIAN



Mod Industri (2u2i)




JAM KREDIT






125 Jam Kredit

SYARAT KEMASUKAN





LEPASAN STPM

-  Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN MATRIKULASI

-  Gred C (2.00) Matematik
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN DIPLOMA

-  Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)
2.50
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Diploma Sains / Diploma Statistik
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains
Gunaan
-  Calon yang tidak memenuhi syarat
CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai
pengalaman bekerja sekurang -kurangnya
2 tahun dalam bidang berkaitan

PELUANG KERJAYA


Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data
Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran
Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data
Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik
Pembuat Keputusan Berasaskan Data



PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahuan dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usaha sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekati kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030